

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1991

**PELAKSANAAN SISTEM SARAAAN BARU BERDASARKAN LAPORAN
JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI GAJI SEKTOR
AWAM 1991 BAGI PASUKAN POLIS DI RAJA MALAYSIA**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan Sistem Saraan Baru yang melibatkan struktur perkhidmatan yang merangkumi skim-skim perkhidmatan, gaji, elaun, kemudahan, syarat-syarat perkhidmatan dan faedah persaraan bagi semua anggota lantikan tetap Pasukan Polis Di Raja Malaysia mulai 1 Januari 1992.
2. Pekeliling ini juga menjelaskan kaedah pemindahan dan pergerakan gaji di bawah Sistem Saraan Baru.

LATAR BELAKANG

3. Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam (JKK-MGSA) 1991 telah mengkaji sistem dan struktur perkhidmatan sektor awam secara menyeluruh dengan tujuan untuk membentuk satu sistem pengurusan personel sektor awam yang boleh meningkatkan keupayaan dan memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menghadapi perubahan dan cabaran persekitaran masa hadapan.
4. Hasil kajian Jawatankuasa ini yang dikemukakan dalam *Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam 1991* telah diterima oleh Kerajaan. Berdasarkan Laporan itu, Kerajaan telah bersetuju memperkenalkan Sistem Saraan Baru (SSB).
5. SSB mengutamakan dua unsur penting, iaitu, **fleksibiliti dan galakan untuk meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti perkhidmatan bagi mempercepatkan proses pembangunan negara.**

GLOSERI ISTILAH

6. Beberapa istilah baru berhubung dengan skim-skim perkhidmatan, gaji, elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan digunakan dalam Pekeliling ini. Tafsiran istilah tersebut adalah seperti di Lampiran A.

STRUKTUR PERKHIDMATAN

7. Kerajaan telah bersetuju supaya beberapa perubahan dan penguatan dibuat kepada struktur perkhidmatan sektor awam mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976). Perubahan ini perlu sebagai satu langkah strategik jangka panjang untuk meningkatkan keupayaan sektor awam bagi memainkan peranannya secara cekap dan berkualiti dalam proses pembangunan negara.

Kumpulan Perkhidmatan

8. Dalam SSB, struktur perkhidmatan Pasukan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) disusun semula kepada tiga kumpulan perkhidmatan, iaitu, **Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan** seperti di Jadual 1-1.

JADUAL 1-1

KUMPULAN PERKHIDMATAN

<i>Kumpulan Perkhidmatan Baru</i>	<i>Gred-gred Mengikut Laporan JKK 1976</i>
Kumpulan Pengurusan Tertinggi Jawatan-jawatan Utama	Timbalan Pesuruhjaya Polis dan ke atas
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	Penolong Penguasa Polis sehingga Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I.
Kumpulan Sokongan	Ketua Inspektor dan ke bawah.

Penentuan Jawatan-jawatan Utama

9. Penentuan **Jawatan-jawatan Utama** ialah untuk meningkatkan keupayaan dan kualiti kepimpinan pengurusan dalam sektor awam. Dalam struktur perkhidmatan PDRM jawatan-jawatan Utama adalah jawatan-jawatan Timbalan Pesuruhjaya Polis dan ke atas yang menjalankan tugas pengurusan peringkat tertinggi dan pengubalan dasar negara.

10. Penentuan Jawatan-jawatan Utama dalam PDRM adalah diputuskan oleh **Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi**.

Klasifikasi Perkhidmatan

11. Skim-skim perkhidmatan tetap dalam perkhidmatan awam adalah disusun semula kepada 19 **Klasifikasi Perkhidmatan** berasaskan persamaan peranan, bidang dan fungsi. Senarai Klasifikasi Perkhidmatan berkenaan adalah seperti di **Lampiran B**.

Pembentukan Semula Skim-skim Perkhidmatan

12. Senarai skim-skim perkhidmatan tetap bagi PDRM adalah dibentuk semula seperti di **Lampiran C**. Skim-skim perkhidmatan yang baru bagi PDRM adalah seperti di **Lampiran D**.

Format Iklan Bagi Lantikan Baru

13. Semua perantikan ke dalam perkhidmatan PDRM mulai 1 Januari 1992 hendaklah mengikut skim-skim perkhidmatan baru di bawah SSB. Format iklan hendaklah berasaskan kepada skim-skim perkhidmatan itu mengikut contoh seperti di **Lampiran E**.

Perkhidmatan-perkhidmatan Kritikal

14. Beberapa perkhidmatan ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal berasaskan perkara-perkara berikut:

- 14.1 peranan dan sumbangan perkhidmatan ke arah pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara;
- 14.2 persaingan dalam pasaran buruh bagi tenaga anggota terlatih;
- 14.3 kelayakan dan kebolehan yang perlu ada pada perkhidmatan tersebut; dan
- 14.4 keadaan persekitaran tempat kerja.

15. Berdasarkan kajian awal, Kerajaan telah menetapkan beberapa perkhidmatan sebagai Perkhidmatan Kritikal seperti senarai di **Lampiran F**.

16. Anggota PDRM yang sedang menerima Bayaran Insentif Teknikal yang mana perkhidmatanya tergolong dalam Perkhidmatan Kritikal boleh terus menerima Bayaran Insentif Teknikal atau Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

Kedudukan Skim-skim Perkhidmatan Jumud


17. Skim-skim perkhidmatan jumud di bawah Laporan JKK 1976 akan terus jumud di bawah SSB. Senarai skim dan skim-skim perkhidmatan tersebut adalah seperti di Lampiran G.

18. Peluang kenaikan pangkat dalam perkhidmatan jumud akan dikekalkan.

STRUKTUR SARAAN

Struktur Saraan Baru

19. Struktur Saraan Baru mengandungi Gaji Pokok, Imbuan Tetap dan Komponen Berubah. Gambar rajah Struktur Saraan Baru adalah seperti di bawah:



20. Huraian kepada komponen-komponen tersebut adalah seperti berikut:

- 20.1. **Gaji Pokok** adalah amaun yang ditetapkan bagi anggota PDRM berasaskan konsep gaji yang berpatutan untuk menyara keperluan asas, iaitu, makanan, pakaian dan perumahan;
- 20.2. **Imbuan Tetap** meliputi **Imbuan Tetap Khidmat Polis, Imbuan Tetap Perumahan, Imbuan Tetap Keraian dan Imbuan Tetap Jawatan Utama;** dan
- 20.3. **Komponen Berubah** merupakan unsur baru yang menepati keperluan fleksibiliti dan galakan dalam SSB. Antara bayaran yang ditetapkan dalam komponen ini ialah **Bayaran Insentif Pemusnah Bom dan Imbuan Tahunan.** Imbuan Tahunan adalah bayaran yang dibuat tertakluk kepada keadaan ekonomi negara dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Jadual Gaji Matriks

21. Jadual Gaji Matriks [*Matrix Salary Schedule (MSS)*] diwujudkan dalam SSB untuk keseluruhan perkhidmatan PDRM kecuali Jawatan Utama yang menggunakan tanggaji berbentuk selapis.

22. Struktur gaji dalam *MSS* mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- 22.1. matagaji mengikut susunan **Tangga (T)** secara **mendatar (horizontal)**;
- 22.2. setiap gred dalam *MSS* mengandungi tiga **Peringkat (P)** matagaji yang disusun secara **menegak**; dan
- 22.3. matagaji yang disusun mengikut tiga Peringkat itu menetapkan kadar kenaikan yang berbeza, iaitu, kadar pada **P3** adalah lebih tinggi daripada **P2** dan **P2** pula adalah lebih tinggi daripada **P1**.

Contoh *MSS* bagi Konstabel Gred Y14 adalah seperti di bawah:

Gred Y14

	T1	T2	T3	T4	...	T11	T12	T13	T14
P1	419	447	475	503	...	734	767	800	833
P2	448	477	506	540	...	778	812	846	880
P3	478	508	543	578	...	823	858	893	928

Prinsip Pemindahan Gaji

23. Prinsip pemindahan gaji daripada gaji pokok hakiki JKK 1976 kepada SSB hendaklah berdasarkan pemindahan kepada **matagaji yang sama** atau **matagaji yang lebih tinggi berhampiran**.

Kaedah Pemindahan Gaji

24. Pemindahan kepada gaji SSB hendaklah mengambilkira **gaji pokok hakiki JKK 1976** dan dicampurkan kadar kenaikan yang ditetapkan, iaitu, sama ada 9% atau 10% untuk memperolehi satu jumlah gaji. Jumlah gaji ini dipindahkan kepada matagaji baru yang sama atau matagaji yang lebih tinggi berhampiran di **P1, Tangga yang sesuai dalam Gred Gaji MSS** yang berkenaan pada **1 Januari 1992**. Proses pemindahan gaji adalah seperti di **Jadual 2-1**.

JADUAL 2-1

CONTOH PEMINDAHAN GAJI BAGI KONSTABEL

<i>Jawatan</i>	<i>Gaji Pokok Hakiki</i>	<i>Kadar Kenaikan (%)</i>	<i>Jumlah Gaji</i>	<i>Matagaji Baru</i>
Konstabel (P18)	\$ 395	9% (\$35.55)	\$ 430.55	\$ 447 (P1T2) Gred Y14

Konstabel atas tanggagaji **P18** adalah dipindahkan ke **Gred Y14** dalam **MSS**. Contohnya, gaji pokok hakiki anggota berkenaan ialah **\$395** sebulan. Gaji pokok hakiki ini hendaklah ditambah sebanyak 9% (\$35.55) menjadikan jumlahnya **430.55**. Dengan itu, gaji anggota berkenaan akan dipindahkan kepada **Gred Y14, P1T2**, iaitu, **\$447**.

25. Bagi Jawatan-jawatan Utama prinsip pemindahan gaji daripada gaji pokok hakiki JKK 1976 kepada gaji SSB hendaklah berdasarkan pemindahan ke **matagaji yang lebih tinggi berhampiran** atas tanggagaji baru bagi Gred berkenaan.

Sifir Pemindahan Gaji

26. Indeks mengikut skim perkhidmatan dan sifir pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran H1** hingga **H3**.

Perubahan Tarikh Pergerakan Gaji

27. Kenaikan gaji tahunan adalah diubah kepada pergerakan gaji yang ditetapkan pada salah satu daripada empat tarikh dalam setahun, iaitu, **1 Januari, 1 April, 1 Julai** atau **1 Oktober**.

28. Penetapan **tarikh pergerakan gaji baru** bagi anggota yang berpindah daripada satu matagaji JKK 1976 kepada satu matagaji baru dalam **MSS** adalah seperti berikut:

<i>Tarikh Kenaikan Gaji JKK 1976</i>	<i>Tarikh Pergerakan Gaji SSB</i>
1 Jan., 1 Feb. dan 1 Mac 1991	1 Januari 1993*
1 April, 1 Mei dan 1 Jun 1991	1 April 1992
1 Julai, 1 Ogos dan 1 Sept. 1991	1 Julai 1992
1 Okt., 1 Nov. dan 1 Dis. 1991	1 Oktober 1992

* Diberi kenaikan gaji tahunan dalam tempoh opsyen

29. Penetapan tarikh pergerakan gaji anggota yang dilantik atau ditukar lantik atau naik pangkat atau menikmati kemajuan ke pangkat Lans Koperal atau ke Ketua Inspektor pada tahun 1991 adalah seperti berikut:

<i>Tarikh Lantik Atau Tukar Lantik Atau Naik Pangkat Atau Kemajuan Ke Pangkat Lans Koperal Atau Ketua Inspektor</i>	<i>Tarikh Pergerakan Gaji SSB</i>
1 Januari hingga 1 Mac 1991	1 Januari 1993*
2 Mac hingga 1 Jun 1991	1 April 1992
2 Jun hingga 1 September 1991	1 Julai 1992
2 September hingga 1 Disember 1991	1 Oktober 1992
2 Disember hingga 31 Disember 1991	1 Januari 1993
* Diberi kenaikan gaji tahunan dalam tempoh opsyen	

30. Dalam keadaan di mana tarikh kenaikan gaji anggota jatuh pada tarikh kuatkuasa SSB, tarikh kenaikan gajinya ditetapkan sehari sebelum tarikh kuatkuasa bagi maksud pemindahan gaji.

31. Sekiranya tarikh kenaikan gaji anggota jatuh dalam tempoh opsyen, kenaikan gaji pada tarikh tersebut hendaklah diberi sebelum ditentukan tarikh pergerakan gaji dalam MSS.

32. Dalam keadaan di mana dua atau lebih matagaji atas susunan tanggagaji JKK 1976 berpindah kepada satu matagaji dalam MSS, tarikh pergerakan gaji berubah kepada tarikh baru seperti di Lampiran I.

33. Penetapan tarikh pergerakan gaji anggota yang berada di matagaji maksimum selama dua tahun atau lebih dan yang kurang daripada dua tahun pada 1 Januari 1992 adalah seperti berikut:

<i>Tempoh Masa Di Matagaji Maksimum</i>	<i>Tarikh Pergerakan Gaji SSB</i>
Dua tahun dan ke atas	1 April 1992
Satu tahun ke atas dan kurang daripada dua tahun	1 Julai 1992
Enam bulan dan ke atas dan kurang daripada satu tahun	1 Oktober 1992
Kurang daripada enam bulan	1 Januari 1993

Tanggagaji Khas Untuk Penyandang

34. Sekiranya pemindahan gaji anggota yang berada di atas tanggagaji khas untuk penyandang tidak dapat ditampung di P1 gaji MSS, perkara ini hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Anggota Yang Kekal Dalam Skim Dan Syarat-syarat Perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976

35. Anggota yang menolak tawaran opsyen SSB akan dibenarkan berkhidmat atas skim perkhidmatan dan syarat-syarat perkhidmatan JKK 1976. Anggota tersebut boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat mengikut skim perkhidmatan berkenaan dengan syarat apabila dinaikkan pangkat, anggota itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan SSB mulai tarikh kenaikan pangkatnya.

Pelarasan Gaji Bagi Anggota Yang Dilantik Secara Sementara Atau Kontrak

36. Anggota yang dilantik secara sementara atau kontrak layak diberi faedah pelarasan gaji di bawah SSB mulai 1 Januari 1992.

Prinsip Dan Kriteria Pemberian Elaun

37. Pemberian elaun dan kemudahan di bawah SSB bertujuan mendorong anggota berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi. Selaras dengan matlamat ini, **empat prinsip** pemberian elaun ditetapkan, iaitu, **tidak sejagat** (*non-universal*), **tidak biasa** (*non-regular*), **tidak kekal** (*non-permanent*) dan **kesaksamaan**. Prinsip tidak sejagat membolehkan pemberian elaun kepada kumpulan atau perkhidmatan yang ditetapkan. Prinsip tidak biasa pula, menetapkan elaun diberi hanya dalam keadaan-keadaan tertentu. Prinsip tidak kekal menentukan elaun dibayar secara sementara, manakala prinsip kesaksamaan membolehkan elaun diberi kepada anggota perkhidmatan yang layak, secara lebih adil.

38. Pemberian elaun di bawah SSB adalah berasaskan kriteria-kriteria berikut:

- 38.1. kepakaran;
- 38.2. kemahiran;
- 38.3. kepentingan sesuatu perkhidmatan;
- 38.4. bayaran balik perbelanjaan;
- 38.5. tanggungjawab tambahan;
- 38.6. kos sara hidup;
- 38.7. risiko kerja;
- 38.8. kesusahan;
- 38.9. galakan; dan
- 38.10. keanehan tugas atau perkhidmatan.

39. Berasaskan kepada kriteria pemberian elaun di perenggan 38, elaun-elaun dalam SSB dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

- 39.1. Imbuan Tetap;
- 39.2. Bayaran Insentif; dan
- 39.3. Elaun-elaun Bayaran Balik Perbelanjaan dan Tanggungjawab Tambahan.

Elaun Yang Dikekalkan

40. Elaun-elaun yang diberi kepada anggota polis dikekalkan mengikut syarat dan kadar Laporan JKK 1976, melainkan sekiranya dipinda. Elaun-elaun yang dikekalkan adalah seperti di **Lampiran J**.

Elaun Baru

41. Di bawah SSB, beberapa elaun baru diperkenalkan seperti berikut:

- 41.1. **Bayaran Balik Letak Kereta** diberi kepada anggota polis yang disahkan oleh Ketua Jabatan perlu menggunakan kenderaan bagi menjalankan tugas rasmi dan menyewa ruang letak kereta di pejabat. Jumlah tuntutan Bayaran Balik Letak Kereta dihadkan kepada \$30.00 sebulan berdasarkan resit;
- 41.2. **Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal** diberi kepada anggota dalam Perkhidmatan Kritikal kecuali anggota dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Kadar bayaran bulanan adalah seperti berikut:

<i>Kumpulan</i>	<i>Kadar Daripada Gaji Pokok</i>
(i) Kumpulan Pengurusan dan Profesional	5%
(ii) Kumpulan Sokongan	10%

Perkhidmatan-perkhidmatan yang layak menerima bayaran ini adalah seperti di **Lampiran F**;

- 41.3. **Imbuan Tetap Jawatan Utama** diberi kepada anggota berpangkat Timbalan Pesuruhjaya Polis dan ke atas mengikut kadar bulanan seperti di **Lampiran K**; dan
- 41.4. **Elaun Gantian Motosikal** diberi kepada anggota polis pangkat rendah yang disahkan oleh Ketua Jabatan menggunakan motosikal sendiri semasa menjalankan tugas rondaan keselamatan. Kadar yang ditetapkan ialah sebanyak \$80.00 sebulan. Dengan pemberian elaun ini, anggota tersebut tidak lagi boleh menuntut elaun perjalanan kerana menjalankan tugas rondaan tersebut.

Elaun Yang Digugurkan

42. Beberapa elaun digugurkan kerana tidak menepati prinsip dan kriteria pemberian elaun seperti ditetapkan. Sebahagian daripada elaun-elaun itu didapati tidak sesuai diteruskan lagi kerana anggota yang menjalankan tugas-tugas tersebut boleh dilengkapi dengan alat-alat keselamatan yang sesuai. Sebahagian daripada perbelanjaan itu juga didapati sesuai ditanggung oleh Jabatan. Elaun-elaun yang digugurkan mulai tarikh kuatkuasa Pekeliling ini adalah seperti di **Lampiran L**.

Prinsip Dan Kriteria Pemberian Kemudahan

43. Pemberian kemudahan ditetapkan sebagai satu keistimewaan yang boleh ditarik balik pada bila-bila masa, jika didapati perlu. Ia juga hendaklah diberi dengan saksama kepada anggota yang layak. Kemudahan-kemudahan dipertimbang berasaskan kepada kriteria-kriteria **kebijakan** serta peningkatan kepada perkhidmatan dan status anggota **PDRM**.

Kemudahan Yang Dikekalkan

44. Kemudahan-kemudahan yang diberi kepada anggota PDRM dikekalkan mengikut syarat dan kadar Laporan JKK 1976, melainkan sekiranya dipinda. Kemudahan-kemudahan yang dikekalkan adalah seperti di **Lampiran M**.

Kemudahan Baru

45. Di bawah SSB, beberapa kemudahan baru diperkenalkan seperti berikut:

- 45.1. **Cuti Menjaga Anak** bertujuan memberi peluang kepada ibu untuk menyusu dan menjaga bayinya. Dengan kemudahan ini, anggota wanita boleh dipertimbangkan **cuti tanpa gaji sehingga 90 hari** sebaik sahaja habis tempoh 42 hari cuti bersalin. Jika anggota tidak menggunakan kesemua 90 hari cuti tersebut, baki cuti tanpa gaji yang tidak digunakan akan luput. Kemudahan ini dihadkan kepada lima kali sepanjang tempoh perkhidmatan;
- 45.2. **Cuti Isteri Bersalin** diberi kepada anggota lelaki selama tiga hari sebagai cuti tanpa rekod untuk membantu urusan semasa isteri bersalin, sekiranya anggota itu kehabisan cuti rehat yang anggota berkecukupan pada masa itu. Kemudahan ini dihadkan kepada lima kali sepanjang perkhidmatan;
- 45.3. **Kemudahan Pinjaman Membeli Komputer** diberi kepada anggota untuk memiliki komputer peribadi supaya dapat **meningkatkan keupayaan menjalankan tugas** selaras dengan perkembangan pesat dalam teknologi pengurusan. Pekeliling yang berasingan mengenai perkara ini akan dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia;
- 45.4. **Keahlian dalam Kelab Rekreasi** bertujuan untuk menggalakkan anggota berpangkat Penolong Penguasa Polis dan ke atas menganggotai salah satu kelab yang disenaraikan. Peruntukan ini bertujuan meningkatkan interaksi mereka dengan pihak-pihak lain seperti eksekutif-eksekutif sektor swasta. Pekeliling yang berasingan mengenai perkara ini akan dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia;
- 45.5. **Kemudahan Mengurus Jenazah** bagi anggota yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan diberi sebagai tanda penghormatan terakhir dan untuk menghargai bakti mereka kepada negara. Kemudahan ini diberi seperti berikut:
 - (i) jumlah sebanyak \$1,000 diberi kepada keluarga anggota bagi tujuan menguruskan jenazah;
 - (ii) kemudahan yang diperuntukkan untuk tambang pengangkutan jenazah seperti dalam perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1978, dipanjangkan juga kepada semua anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan. Kaedah pengangkutan jenazah yang sesuai dan berpatutan hendaklah digunakan;

(iii) kemudahan ini tidak meliputi ahli keluarga yang meninggal dunia dan juga tambang untuk pengiring; dan

45.6. Rawatan untuk keluarga anggota dipanjangkan kepada ibu bapa yang sah (*legal parents*). Kemudahan ini dihadkan kepada rawatan di hospital Kerajaan sahaja dan tidak termasuk perbekalan alat-alat ortopedik serta anggota palsu (*artificial limbs*). Kemudahan ini hanya diberi semasa anggota di dalam perkhidmatan sahaja.

Kemudahan Yang Digugurkan

46. Pengumpulan Cuti Rehat Luar Biasa (Perintah Am 12 Bab 'C') dan Cuti Pemulihan (Perintah Am 23 Bab 'C') adalah digugurkan.

Syarat dan Kadar Baru Pembayaran Elaun dan Pemberian Kemudahan

47. Syarat dan kadar pembayaran elaun dan pemberian kemudahan yang dipinda adalah seperti di Lampiran N dan Lampiran O.

Elaun dan Kemudahan Bagi Anggota Yang Berkhidmat Di Luar Negeri

48. Pekeliling mengenai elaun dan kemudahan bagi anggota yang berkhidmat di luar negeri akan dikeluarkan secara berasingan.

SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

49. Pada keseluruhannya, syarat-syarat perkhidmatan yang sedia ada masih terpakai tertakluk kepada beberapa pengubahsuaian tertentu.

Perlantikan

50. Had umur maksimum tidak dijadikan syarat wajib bagi lantikan ke perkhidmatan. Walau bagaimanapun, calon yang dilantik pertama kali ke perkhidmatan hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun.

51. Anggota yang dibersarakan atas sebab-sebab kesihatan boleh dilantik semula ke perkhidmatan PDRM jika disahkan sihat dan berkeupayaan untuk menjalankan tugas-tugas dengan sempurna oleh sebuah Panel Perubatan dan dipersetujui oleh Jemaah Pegawai. Perlantikan semula ini adalah berdasarkan peraturan-peraturan yang akan ditetapkan kemudian.

Tempoh Percubaan

52. Anggota yang dilantik ke perkhidmatan PDRM perlu melalui tempoh percubaan selama tiga tahun. Anggota yang dilantik sebelum 1 Januari 1992 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tersebut, dikehendaki memenuhi tempoh percubaan selama tiga tahun yang dikira daripada tarikh perlantikannya.

53. Semua lantikan baru pada atau selepas 1 Januari 1992, dikehendaki mengikuti **Kursus Induksi** sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan. Kursus Induksi akan juga mengambil alih Peperiksaan Am Kerajaan sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi semua lantikan Inspektor dan ke atas sebelum 1 Januari 1992. Walau bagaimanapun, anggota akan diberi pilihan sama ada mengambil Peperiksaan Am Kerajaan atau mengikuti Kursus Induksi dalam baki tempoh percubaannya. Peperiksaan Am Kerajaan akan hanya diadakan sehingga **akhir tahun 1994**.

Pemberian Taraf Berpencen

54. Anggota yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan genap tempoh selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkiran, layak diperakukan oleh Ketua Jabatannya untuk diberi taraf berpencen.

Prinsip Penetapan Gaji Masuk

55. Penetapan gaji masuk hendaklah mengikut prinsip berikut:

- 55.1. bagi lantikan pertama kali atau bagi anggota yang belum disahkan dalam perkhidmatannya serta dilantik pula ke suatu jawatan baru:
 - (i) gaji permulaan anggota akan ditetapkan pada **P1T1** atau **Tangga** yang bersesuaian dalam *MSS* bagi jawatan yang akan disandangnya; atau
 - (ii) Pihak Berkuasa Melantik boleh menimbang pemberian gaji yang lebih tinggi mengikut perkiraan **satu pergerakan matagaji bagi satu tahun genap pengalaman** bagi anggota yang mempunyai pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang akan disandangnya. Penetapan gaji masuk yang berdasarkan kepada pengalaman yang sesuai hendaklah diselaraskan pada **P1** dan **Tangga** yang bersesuaian dalam *MSS* bagi jawatan yang berkenaan. Bagi pengisian jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, pengalaman yang sesuai adalah dikira selepas anggota berkenaan mendapat kelulusan iktisas atau akademik;
- 55.2. gaji permulaan bagi anggota yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan dilantik ke suatu jawatan baru:
 - (i) anggota akan ditawarkan gaji permulaan, **P1T1** atau **Tangga** yang bersesuaian pada **P1** dalam *MSS* jawatan baru yang berkaitan sekiranya gaji jawatan lamanya lebih rendah daripada gaji permulaan dalam tanggagaji jawatan baru; atau
 - (ii) anggota hendaklah ditawarkan **matagaji yang lebih tinggi berhampiran dengan gaji hakiki** dalam jawatan lamanya pada **P1** dan **Tangga** yang bersesuaian dalam *MSS* bagi jawatan barunya sekiranya gaji jawatan lamanya adalah sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam jawatan barunya; dan
- 55.3. Pihak Berkuasa Melantik juga boleh meletakkan seseorang calon atau anggota yang mempunyai kelayakan-kelayakan khas pada mana-mana **Tangga** atas **P1** dalam *MSS* bagi sesuatu jawatan yang berkenaan.

Prinsip Penetapan Gaji Bagi Kenaikan Pangkat

56. Gaji anggota yang dinaikkan pangkat hendaklah ditetapkan seperti berikut:

- 56.1. anggota berkenaan akan ditawarkan gaji permulaan, **P1T1** dalam *MSS* bagi Gred kenaikan pangkat sekiranya gaji akhirnya lebih rendah daripada gaji permulaan dalam Gred kenaikan pangkat; atau
- 56.2. anggota berkenaan akan ditawarkan gaji di **matagaji yang lebih tinggi berhampiran dengan gaji akhirnya** pada **P1** dalam *MSS* bagi Gred kenaikan pangkat jika gaji akhirnya sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam Gred kenaikan pangkat; atau
- 56.3. jika gaji akhirnya adalah lebih tinggi daripada **tanggagaji maksimum** pada **P1** dalam *MSS* bagi Gred kenaikan pangkat, gajinya hendaklah diselaraskan pada **P2**. Jika gaji akhirnya adalah juga lebih tinggi daripada **tanggagaji maksimum** pada **P2**, gajinya hendaklah diselaraskan pada **P3** dalam *MSS* bagi Gred kenaikan pangkat. Kaedah penetapan gaji hendaklah pada matagaji yang lebih tinggi berhampiran dengan gaji akhirnya.

Pergerakan Gaji Tahunan

57. Pergerakan gaji tahunan akan diasaskan kepada **Laporan Penilaian Prestasi Tahunan**. Pergerakan gaji tahunan dalam *MSS* akan dipertimbangkan mengikut salah satu daripada empat cara pergerakan iaitu:

- 57.1. statik;
- 57.2. mendatar;
- 57.3. menegak; atau
- 57.4. melintang.

58. Anggota yang sedang berkhidmat dan telah disahkan dalam perkhidmatan serta genap tiga tahun perkhidmatan layak dipertimbangkan salah satu daripada empat cara pergerakan gaji. Pelaksanaan empat pergerakan gaji hanya akan bermula pada atau selepas **1 Januari 1993**.
59. Anggota yang berada dalam tempoh percubaan atau anggota yang dilantik mulai 1 Januari 1992 hanya layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara statik atau mendatar. Setelah disahkan dalam perkhidmatan anggota layak dipertimbangkan salah satu daripada empat cara pergerakan gaji.
60. Anggota yang dilanjutkan **tempoh percubaan tanpa berdenda** hanya layak dipertimbangkan untuk pergerakan gaji secara statik atau mendatar. Anggota yang dilanjutkan **tempoh percubaan dengan berdenda** tidak layak dipertimbangkan pergerakan gaji tahunan.
61. Anggota yang berjaya disahkan dalam perkhidmatan selepas dilanjutkan tempoh percubaannya dengan berdenda, layak dipertimbangkan untuk mendapat pergerakan gaji tahunan seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 66.
62. Anggota yang **bercuti separuh gaji** atau **bercuti tanpa gaji** berjumlah tidak melebihi 180 hari dalam satu tahun kalendar adalah layak dipertimbangkan salah satu daripada empat cara pergerakan gaji. Anggota yang **bercuti separuh gaji** atau **bercuti tanpa gaji** melebihi 180 hari dalam satu tahun kalendar adalah tidak layak mendapat pergerakan gaji tahunan.
63. Anggota yang cuti berkursus bergaji penuh melebihi enam bulan, layak dipertimbang' pergerakan gaji tahunan **secara isyarat** tertakluk kepada laporan kemajuan kursus.
64. Anggota yang dilantik secara pertukaran sementara atau pinjaman, layak dipertimbangkan pergerakan gaji tahunan mengikut salah satu daripada empat cara pergerakan di atas tanggagaji jawatan pertukaran sementara atau pinjaman. Pergerakan gaji tahunan di atas tanggagaji jawatan hakikinya hendaklah diselaraskan **secara isyarat**. Sekiranya tanggagaji di atas pertukaran sementara atau pinjaman adalah tanggagaji selapis, **pergerakan gaji tahunan secara isyarat di atas tanggagaji jawatan hakiki** akan berdasarkan kepada laporan yang disediakan oleh pihak majikan di tempat anggota itu bertugas.

Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan

65. Tarikh pergerakan gaji tahunan ditetapkan kepada empat tarikh pergerakan sahaja dalam setahun seperti dijelaskan di perenggan 27.
66. Tarikh pergerakan gaji tahunan bagi anggota yang telah disahkan dalam perkhidmatan selepas tempoh percubaannya dilanjutkan dengan berdenda akan berubah kepada tarikh pergerakan gaji tahunan yang baru pada tahun berikutnya, selepas tarikh beliau disahkan dalam perkhidmatan, iaitu, seperti berikut:
- 66.1. jika tarikh anggota disahkan dalam perkhidmatan jatuh pada tarikh di antara **1 Janu hingga 31 Mac**, maka tarikh pergerakan gaji yang baru ialah pada **1 Januari**;
 - 66.2. jika tarikh anggota disahkan dalam perkhidmatan jatuh pada tarikh di antara **1 April hingga 30 Jun**, maka tarikh pergerakan gajinya yang baru ialah pada **1 April**;
 - 66.3. jika tarikh anggota disahkan dalam perkhidmatan jatuh pada tarikh di antara **1 Julai hingga 30 September**, maka tarikh pergerakan gajinya yang baru ialah pada **1 Julai**; dan
 - 66.4. jika tarikh anggota disahkan dalam perkhidmatan jatuh pada tarikh di antara **1 Oktober hingga 31 Disember**, maka tarikh pergerakan gajinya yang baru ialah pada **1 Oktober**.

Kenaikan Pangkat Dan Sistem Penilaian Prestasi

67. Kenaikan pangkat adalah berasaskan prestasi cemerlang dalam aspek-aspek penghasilan kerja, sifat-sifat peribadi yang utuh, daya kepimpinan dan berpotensi tinggi. Pada dasarnya, **kenaikan pangkat** adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan.
68. Kenaikan pangkat ini boleh berlaku dalam dua keadaan, iaitu, secara **biasa** dan **luar biasa**. Tertakluk kepada perenggan 67 di atas, anggota yang mempunyai prestasi cemerlang dan berpotensi tinggi boleh dinaikkan pangkat secara **luar biasa** dalam tempoh yang lebih singkat daripada anggota lain yang dinaikkan pangkat secara biasa.

FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN

Faedah-faedah Persaraan

69. Pada umumnya, peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pencen 1980, Akta Penghitungan Semula Pencen 1980 dan Akta Penyelarasan Pencen 1980 adalah dikekalkan melainkan sekiranya dipinda selaras dengan hasrat dan matlamat SSB.

Tempoh Perkhidmatan Yang Terputus

70. Tempoh perkhidmatan yang terputus kerana bercuti tanpa gaji untuk berkursus boleh diambilkira bagi tujuan perkiraan faedah persaraan dengan syarat-syarat seperti berikut:

- 70.1. anggota yang berkursus telah diberi kelulusan cuti belajar tanpa gaji atau tanpa biasiswa;
- 70.2. kursus yang diikuti itu berkaitan dengan perkhidmatan; dan
- 70.3. anggota itu kembali bertugas dengan Kerajaan selepas tamat kursus.

71. Bagi tempoh perkhidmatan yang terputus atas sebab-sebab yang diizinkan dan diselangi dengan perkhidmatan di sektor swasta sebelum berkhidmat semula dengan Kerajaan, hanya tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan boleh diambilkira untuk tujuan perkiraan faedah persaraan.

Persaraan Pilihan Sendiri

72. Anggota PDRM yang bersara secara pilihan sendiri apabila mencapai umur 40 tahun layak menerima ganjaran perkhidmatan dan bayaran gantian cuti rehat pada tarikh persaraan pilihan sendiri.

OPSYEN DAN PILIHAN SENDIRI

Opsyen

73. Opsyen hanya akan diberi kepada anggota bertaraf tetap yang sedang berkhidmat pada 1 Januari 1992. Anggota tetap adalah yang dilantik ke jawatan tetap termasuk yang dalam percubaan, tukar sementara dan pinjaman. Contoh surat tawaran opsyen dan borang pilihan sendiri SSB adalah seperti di Lampiran P dan Lampiran Q.

Tempoh Opsyen

74. Opsyen hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan mulai 1 Januari 1992 hingga 31 Mac 1992. Anggota yang tidak membuat pilihan sendiri atau tidak menyerahkan borang pilihan sendiri kepada Ketua Jabatan sebelum atau pada 31 Mac 1992 disifatkan sebagai menolak tawaran SSB.

Pelaksanaan Opsyen

75. Pelaksanaan opsyen adalah seperti berikut:

- 75.1. bagi anggota yang telah menerima opsyen ini dengan terma-terma dan syarat-syarat dalam surat tawaran opsyen tetapi selepas daripada penerimaan tersebut meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran ini adalah dengan sendirinya terbatal;
- 75.2. bagi anggota yang, sebelum 1 Januari 1992 atau pada bila-bila masa sehingga 31 Mac 1992, ditahan kerja atau digantung kerja atau surat pertuduhan dengan tujuan buang kerja telah dikeluarkan kepadanya oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, apa-apa faedah yang layak diberi akan diselaraskan dengan sewajarnya melainkan jika, dalam tempoh opsyen, Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja; dan
- 75.3. bagi anggota yang, sebelum 1 Januari 1992 atau pada bila-bila masa sehingga 31 Mac 1992, dikenakan perintah tahanan, kediaman terhad, buang negeri, deportasi atau apa-apa bentuk perintah sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa, apa-apa faedah yang layak diberi akan diselaraskan dengan sewajarnya melainkan jika, dalam tempoh opsyen, Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja.

Anggota Yang Cuti Berkursus Atau Bercuti Tanpa Gaji Dalam Tempoh Opsyen

76. Anggota yang cuti berkursus atau bercuti tanpa gaji dalam tempoh opsyen hendaklah ditawarkan opsyen oleh Ketua Jabatan terakhir di mana anggota bertugas.

Anggota Yang Bersara Dalam Tempoh Opsyen

77. Anggota yang bersara dalam tempoh opsyen tetapi tidak termasuk anggota yang dibersarakan atas alasan pekerjaan anggota itu ditamatkan demi kepentingan awam di bawah Seksyen 10(5)(d), Akta Pencen 1980 (Akta 227) hendaklah ditawarkan opsyen oleh Ketua Jabatan.

Anggota Yang Meninggal Dunia Dalam Tempoh Opsyen

78. Anggota yang belum membuat pilihan sendiri dan meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 1992 sehingga 31 Mac 1992 adalah disifatkan sebagai menerima gaji dan syarat-syarat perkhidmatan serta faedah-faedah persaraan baru mengikut Pekeliling ini.

Syarat-syarat Opsyen

79. Opsyen hendaklah dibuat tanpa syarat. Anggota tetap yang membuat opsyen dengan bantahan atau dengan syarat-syarat tambahan atau sebagainya akan disifatkan menolak tawaran itu.

80. Opsyen yang ditawarkan kepada anggota tetap adalah berdasarkan kepada butir-butir perkhidmatan dalam borang tawaran opsyen. Dalam keadaan di mana terdapat pemberian butir-butir yang salah yang menyebabkan tawaran yang salah diberikan, maka tawaran tersebut hendaklah dianggap batal serta tidak sah dan satu tawaran baru akan dikeluarkan.

81. Opsyen yang dibuat oleh anggota adalah muktamad.

JENTERA PENYELESAIAN TUNTUTAN ANOMALI

82. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 akan dipinda sewajarnya supaya anggota PDRM juga boleh mengemukakan tuntutan-tuntutan anomali kepada Tribunal Perkhidmatan Awam.

Tuntutan Anomali

83. Dalam urusan pemindahan ke sistem saraan dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini mungkin terdapat perkara-perkara yang dianggap sebagai anomali seperti ditakrifkan di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977. Untuk membolehkan anggota yang terkilan itu mengemukakan tuntutan-tuntutan anomali kepada Kerajaan, pindaan-pindaan tertentu akan dibuat kepada Akta tersebut.

Rujukan Anomali

84. Apabila pindaan-pindaan ini dikuatkuasakan tuntutan-tuntutan boleh dikemukakan terus kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam tanpa melalui Ketua Jabatan. Sekiranya tuntutan-tuntutan itu tidak dapat diselesaikan oleh Kerajaan, anggota yang berkenaan boleh merujuk tuntutan yang sama kepada Tribunal Perkhidmatan Awam untuk mendapat keputusan yang muktamad.

GARIS PANDUAN

85. Garis Panduan mengenai pelaksanaan SSB akan diedarkan secara berasingan.

**UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN YANG PERLU
DIUBAHSUAI ATAU DIMANSUHKAN**

86. Perbekalan dalam Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992. Tindakan hendaklah diambil untuk meminda, mengubahsuai serta memansuhkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan bagi menyelaraskannya dengan peruntukan-peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
MALAYSIA.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA.

31 Disember 1991.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Dalam Negeri.

s.k.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Luar Negeri.

LAMPIRAN A
GLOSERI ISTILAH

GLOSERI ISTILAH

Anomali

Seperti yang ditakrifkan dalam Akta yang berkenaan.

Bayaran Insentif

Elaun yang diberi kepada anggota sektor awam sebagai galakan serta penghargaan berasaskan kriteria-kriteria kepakaran, kemahiran, keanehan tugas atau perkhidmatan dan kerana tergolong dalam Perkhidmatan Kritikal. Bayaran Insentif adalah merupakan sebahagian daripada Komponen Berubah.

Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

Elaun yang dibayar kepada anggota-anggota perkhidmatan tertentu sektor awam yang tergolong dalam Perkhidmatan Kritikal. Elaun ini adalah salah satu jenis elaun yang dibayar di bawah Bayaran Insentif.

Gaji Maksimum

Matagaji tertinggi dalam sesuatu Gred gaji mengikut Jadual Gaji Matriks.

Gaji Matriks

Matagaji yang disusun mengikut Tangga dan Peringkat bagi sesuatu Gred gaji dalam Jadual Gaji Matriks. Setiap Gred gaji mempunyai tiga Peringkat dan bilangan Tangga yang tertentu.

Gaji Minimum

Matagaji terendah dalam sesuatu Gred gaji mengikut Jadual Gaji Matriks.

Gaji Permulaan

Matagaji yang ditetapkan untuk seorang anggota yang baru dilantik tertakluk kepada Skim Perkhidmatan berkenaan.

Gaji Pokok

Matagaji dalam struktur gaji baru yang diambil kira untuk faedah pencen.

Gred

Satu lapisan gaji yang mengandungi tiga Peringkat dan bilangan Tangga yang tertentu untuk sesuatu Kumpulan Perkhidmatan dalam Jadual Gaji Matriks mengikut Klasifikasi Perkhidmatan berkenaan.

Imbuhan Tahunan

Salah satu imbuhan dalam Komponen Berubah yang bayarannya tertakluk kepada keadaan ekonomi dan kemampuan Kerajaan untuk membayar.

Imbuhan Tetap

Bayaran yang setiap bulan diberi kepada anggota yang layak seperti Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Keraian dan Imbuhan Tetap Khidmat Polis.

Jadual Gaji Matriks

Jadual gaji untuk setiap Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi Gred-gred gaji berdasarkan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan.

Jawatan Utama

Jawatan peringkat pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan PDRM yang menjalankan tugas pengurusan peringkat tertinggi dan penggubalan dasar negara.

Klasifikasi Perkhidmatan

Penggolongan perkhidmatan-perkhidmatan berdasarkan persamaan peranan, bidang dan fungsi.

Komponen Berubah

Jenis-jenis bayaran dalam struktur gaji baru yang pemberian dan pengamalannya boleh berubah-ubah mengikut keperluan seperti Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Bayaran Insentif Pakar.

Kumpulan Perkhidmatan

Peringkat Perkhidmatan dalam sesuatu Klasifikasi Perkhidmatan, iaitu, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan.

Pelarasan Gaji

Pemberian kenaikan gaji secara menyeluruh mengikut kadar yang ditetapkan sama ada dalam bentuk peratusan atau kadar tertentu.

Pergerakan Gaji

Kemajuan dari satu matagaji ke satu matagaji yang lain dalam Jadual Gaji Matriks mengikut empat keadar iaitu, secara statik, mendatar, menegak atau melintang.

- **Statik**
Kekal di atas matagaji yang sedang diterima.
- **Mendatar**
Pergerakan dari satu matagaji ke satu matagaji di Tangga yang lebih tinggi atas Peringkat yang sama.
- **Menegak**
Pergerakan dari satu matagaji ke satu matagaji atas Tangga yang sama tetapi ke Peringkat yang lebih tinggi.
- **Melintang**
Pergerakan dari satu matagaji atas sesuatu Peringkat ke satu matagaji di Tangga dan Peringkat yang lebih tinggi.

Peringkat Gaji

Matagaji yang disusun secara menegak dalam sesuatu Gred dalam Jadual Gaji Matriks.

Perkhidmatan Jumud

Perkhidmatan yang tidak diperlukan lagi dan semua perlantikan baru diberhentikan.

Saraan

Jumlah gaji dan elaun serta kemudahan-kemudahan dan faedah-faedah persaraan yang dinikmati oleh anggota sektor awam.

LAMPIRAN B
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

<i>Bil.</i>	<i>Klasifikasi Perkhidmatan</i>	<i>Kod</i>
1.	Pengangkutan	A
2.	Bakat dan Seni	B
3.	Sains	C
4.	Pendidikan	D
5.	Ekonomi	E
6.	Sistem Maklumat	F
7.	Pertanian	G
8.	Kejuruteraan	J
9.	Keselamatan dan Pertahanan Awam	K
10.	Perundangan	L
11.	Tadbir dan Diplomatik	M
12.	Pentadbiran dan Sokongan	N
13.	Penyelidikan dan Pembangunan	Q
14.	Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir	R
15.	Sosial	S
16.	Perubatan dan Kesihatan	U
17.	Kewangan	W
18.	Polis	Y
19.	Tentera	Z

LAMPIRAN C

**SENARAI SKIM-SKIM PERKHIDMATAN
BAGI PDRM DI BAWAH SISTEM
SARAAN BARU**

SENARAI SKIM-SKIM PERKHIDMATAN BAGI PDRM DI BAWAH SISTEM SARAAN BARU

<i>Klasifikasi Perkhidmatan (Kod Gaji)</i>	<i>Bidang</i>	<i>Skim Perkhidmatan Sekarang</i>	<i>Skim Perkhidmatan Baru SSB</i>
1 POLIS (Y, YS, YT)	Polis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Kanan Polis (P12, P11, P10, P9, P8, P7, P6, P5, P4, P3, P2, P1) 2. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel (P18, P17, P16, P15, P14, P13) 3. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Tambahan (PT6, PT5, PT4, PT3, PT2, PT1) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Kanan Polis (Gred Y8, Y7, Y6, Y5, Y4, Y3, Y2, Y1) 2. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel (Gred Y14, Y13, Y12, Y11, Y10, Y9) 3. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Tambahan (YT6, YT5, YT4, YT3, YT2, YT1)

LAMPIRAN D

**SKIM-SKIM PERKHIDMATAN YANG
BARU BAGI PDRM DI BAWAH
SISTEM SARAAAN BARU**

SKIM PERKHIDMATAN

- KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN POLIS
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, SOKONGAN (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
- SKIM PERKHIDMATAN** : PEGAWAI KANAN POLIS
- TARIKH KUATKUASA** : 1.1.1992
- NAMA** 1. Kaedah-kaedah ini boleh dinamakan Kaedah-kaedah Polis (Skim Perkhidmatan Pegawai Kanan Polis), 1992 (kemudian daripada ini disebut "Kaedah-kaedah ini") dan akan berkuatkuasa pada 1.1.1992.
- PEMAKAIAN** 2. Kaedah-kaedah ini hendaklah dipakai bagi seluruh Malaysia dan bagi semua Pegawai Kanan Polis yang dilantik pada atau sebelum tarikh berkuatkuasanya Kaedah-kaedah ini.
- TAFSIRAN** 3. Semua perkara yang disebut dalam kaedah-kaedah ini mempunyai makna yang sama dengan perbekalan-perbekalan dalam Akta Polis 1967.
- SKEL GAJI** 4. Skel gaji bagi perkhidmatan Pegawai Kanan Polis hendaklah seperti yang ditetapkan di dalam jadual kepada Kaedah-kaedah ini.
- KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN** 5. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) terdiri daripada warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelulusan yang setaraf dengan kelulusan Sijil Penuh STP/HSC atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; *ATAU*
 - (ii) Diploma Pentadbiran Awam atau Perakaunan dari Institut Teknologi MARA atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Y8: PIT4); *ATAU*
 - (iii) Diploma Kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan atau Seni-bina atau Ukur atau Ukur Bahan dari Universiti Teknologi Malaysia atau Institut Teknologi MARA atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Y8: PIT5); *ATAU*
 - (iv) Diploma Sains Haiwan dan Ternakan dari Universiti Pertanian Malaysia atau lain-lain Diploma Sains Veterinar yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Y8: PIT5);
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran badan dan pancaindera seperti berikut:-
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi calon-calon lelaki dan 1.52m bagi calon-calon wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 47.6kg bagi calon-calon lelaki dan 46.2kg bagi calon-calon wanita;

- (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan 86sm semasa menarik nafas. Calon-calon wanita dikecualikan dari syarat ini;
- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat dan pemeriksaan X-ray;
- (vi) diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan termasuk pemeriksaan X-ray;

DAN (e) kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN DARI PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL

6. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel adalah layak dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Inspektor tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di para 5(c) di atas; *atau*
- (ii) lulus Peperiksaan Khas;

(b) diperakukan layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya;

DAN (c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN

7. Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

8. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred Y8 boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

9. (a) Inspektor lantikan terus di bawah Kaedah 5 adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.

(b) Inspektor yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan di bawah Kaedah 6 tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.

LATIHAN

10. (a) Inspektor lantikan terus di bawah Kaedah 5 dikehendaki mengikuti latihan selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Polis Negara dari masa ke semasa.

(b) Inspektor yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan di bawah Kaedah 6 boleh dikecualikan daripada menjalani sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada latihan yang ditetapkan mengikut budibicara Ketua Polis Negara.

GAGAL DALAM LATIHAN DAN PENAMATAN LANTIKAN

11. Inspektor lantikan terus di bawah Kaedah 5 yang gagal dalam latihannya boleh dipertimbangkan supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberikuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.

PEPERIKSAAN/KURSUS INDUKSI

12. (a) Inspektor lantikan terus di bawah Kaedah 5 dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan lulus Peperiksaan Undang-undang Pertengahan dalam tempoh percubaan.

- (b) Inspektor yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan di bawah Kaedah 6 dikehendaki:-
- (i) hadir dengan jayanya Kursus Induksi sebelum disahkan dalam perkhidmatan; dan
 - (ii) lulus Peperiksaan Undang-undang Pertengahan sebelum layak dipertimbang untuk kenaikan pangkat seterusnya.
- KEWAJIBAN DAN TANGGUNGJAWABAN**
- KEWAJIBAN**
- KEWAJIBAN DALAM PERKHIDMATAN**
13. (a) Inspektor lantikan terus di bawah Kaedah 5 layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (i) memenuhi tempoh percubaan;
 - (ii) hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan
 - (iii) diperaku layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya.
 - (b) Inspektor yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan di bawah Kaedah 6 boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa selepas 1 tahun apabila telah:-
 - (i) memenuhi syarat di para 12(b) (i) di atas; dan
 - (ii) diperakukan layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
14. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.
- KEMAJUAN KE PANGKAT KETUA INSPEKTOR**
15. Inspektor adalah layak dipertimbangkan untuk kemajuan ke pangkat Ketua Inspektor apabila telah diperakukan oleh Pegawai Memerintahnya bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuan ia telah membuktikan kebolehan untuk maju seterusnya dalam perkhidmatannya.
- PEPERIKSAAN UNDANG-UNDANG TINGGI JABATAN**
16. Inspektor yang telah disahkan perkhidmatannya boleh mengambil Peperiksaan Undang-undang Tinggi Jabatan.
- KURSUS KENAIKAN PANGKAT**
17. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.
- KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PENOLONG Penguasa Polis DARI INSPEKTOR DAN KETUA INSPEKTOR**
18. Inspektor atau Ketua Inspektor adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Polis yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan;
 - (d) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 17 di atas jika berkenaan; dan
 - (e) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya oleh Pegawai Memerintahnya.
- KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PENOLONG Penguasa Polis**
19. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) terdiri daripada warganegara;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; *ATAU*
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Y6: P1T2); *ATAU*
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Y6: P1T3); *ATAU*
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Y6: P1T4); *ATAU*
- (v) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Y6: P1T5); *ATAU*
- (vi) (a) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
Gaji permulaan ialah pada Gred Y6: P1T6); *ATAU*
- (b) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Y6: P1T6);
- (c) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang mana kedua-duanya diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Y6: P1T7); *ATAU*
- (d) Ahli Penuh Malaysian Institute of Accountants.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Y6: P1T8).
(Senarai Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi para 1 (vi) di atas adalah seperti di Lampiran Y01(a); *ATAU*
- (vii) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Y6: P1T7);
- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran badan dan pancaindera seperti berikut:-
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi calon-calon lelaki dan 1.52m bagi calon-calon wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 47.6kg bagi calon-calon lelaki dan 46.2kg bagi calon-calon wanita;
- (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan 86sm semasa menarik nafas. Calon-calon wanita dikecualikan dari syarat ini;
- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vi) diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan termasuk pemeriksaan X-ray;

DAN (e) kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN

20. Permohonan untuk lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Polis daripada calon-calon yang layak hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberikan kuasa oleh Suruhanjaya tersebut.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

21. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred Y6 boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

22. Penolong Penguasa Polis lantikan terus di bawah Kaedah 19 adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.

LATIHAN

23. (a) Penolong Penguasa Polis lantikan terus di bawah Kaedah 19 dikehendaki mengikuti latihan selama tempoh yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara dari masa ke semasa.

(b) Penolong Penguasa Polis yang memasuki perkhidmatan secara kenaikan pangkat di bawah Kaedah 18 boleh dikecualikan daripada mengikuti sebahagian atau keseluruhan latihan yang ditetapkan dengan persetujuan Ketua Polis Negara.

GAGAL DALAM LATIHAN DAN PENAMATAN LANTIKAN

24. Penolong Penguasa Polis lantikan terus di bawah Kaedah 19 yang gagal dalam latihannya boleh dipertimbangkan supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.

PEPERIKSAAN/KURSUS INDUKSI DAN PENGEKUALIAN

25. (a) Penolong Penguasa Polis lantikan terus di bawah Kaedah 19 adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan lulus Peperiksaan Undang-undang Tinggi Jabatan dalam tempoh percubaan.

(b) Penolong Penguasa Polis yang mempunyai kelulusan profesional yang diiktiraf oleh Kerajaan boleh dikecualikan daripada Peperiksaan Undang-undang Tinggi Jabatan dalam perkara-perkara yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara dari masa ke semasa setelah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

(c) Penolong Penguasa Polis yang memasuki perkhidmatan secara kenaikan pangkat di bawah Kaedah 18 dikehendaki lulus Peperiksaan Undang-undang Tinggi sebelum layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat seterusnya.

PENGESEHAN DALAM PERKHIDMATAN PENOLONG Penguasa POLIS

26. Penolong Penguasa Polis lantikan terus di bawah Kaedah 19 adalah layak untuk dipertimbangkan bagi pengesahan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan lulus Peperiksaan Undang-undang Tinggi Jabatan;

(c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya oleh Pegawai Memerintahnya.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

KURSUS KENAIKAN PANGKAT

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN TIMBALAN
PENGUASA POLIS**

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN PENGUASA POLIS**

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN PENOLONG
PESURUHJAYA POLIS**

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN PENOLONG
KANAN PESURUHJAYA POLIS
GRED II**

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN PENOLONG
KANAN PESURUHJAYA POLIS
GRED I**

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN YANG LEBIH
TINGGI**

27. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.
28. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.
29. Penolong Penguasa Polis adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Timbalan Penguasa Polis yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (c) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 28 di atas jika berkenaan; dan
 - (d) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.
30. Timbalan Penguasa Polis adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Polis yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 28 di atas jika berkenaan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pihak Memerintahnya.
31. Penguasa Polis adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pesuruhjaya Polis yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap kecemerlangan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 28 di atas jika berkenaan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pihak Memerintahnya.
32. Penolong Pesuruhjaya Polis adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap kecemerlangan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 28 di atas jika berkenaan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pihak Memerintahnya.
33. Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap kecemerlangan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 28 di atas jika berkenaan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pihak Memerintahnya.
34. Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi yang kosong.

JADUAL
(KAEDAH 4)

Inspektor	Gred Y8	:	P1T1	\$770	-	P1T14	\$1522
			P2T1	\$804	-	P2T14	\$1634
			P3T1	\$839	-	P3T14	\$1751
Ketua Inspektor	Gred Y7	:	P1T1	\$1570	-	P1T6	\$1980
			P2T1	\$1685	-	P2T6	\$2110
			P3T1	\$1805	-	P3T6	\$2245
Penolong Penguasa Polis	Gred Y6	:	P1T1	\$1155	-	P1T18	\$2566
			P2T1	\$1241	-	P2T18	\$2703
			P3T1	\$1330	-	P3T18	\$2843
Timbalan Penguasa Polis	Gred Y5	:	P1T1	\$1920	-	P1T11	\$2750
			P2T1	\$2006	-	P2T11	\$2866
			P3T1	\$2095	-	P3T11	\$2985
Penguasa Polis	Gred Y4	:	P1T1	\$2838	-	P1T6	\$3388
			P2T1	\$2952	-	P2T6	\$3522
			P3T1	\$3071	-	P3T6	\$3666
Penolong Pesuruhjaya Polis	Gred Y3	:	P1T1	\$3333	-	P1T4	\$3729
			P2T1	\$3470	-	P2T4	\$3881
			P3T1	\$3612	-	P3T4	\$4038
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II	Gred Y2	:	P1T1	\$3630	-	P1T4	\$4026
			P2T1	\$3767	-	P2T4	\$4178
			P3T1	\$3909	-	P3T4	\$4335
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I	Gred Y1	:	P1T1	\$3927	-	P1T4	\$4422
			P2T1	\$4099	-	P2T4	\$4615
			P3T1	\$4278	-	P3T4	\$4815

**SENARAI BADAN-BADAN PERAKAUNAN YANG
DIKTIRAF OLEH KERAJAAN**

- (i) Ahli Malaysian Institute of Accountants;
- (ii) Ahli Malaysian Association of Certified Public Accountants;
- (iii) Ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales;
- (iv) Ahli Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- (v) Ahli Institute of Chartered Accountants in Scotland;
- (vi) Ahli Institute of Chartered Accountants in Australia;
- (vii) Ahli Canadian Institute of Chartered Accountants;
- (viii) Ahli Institute of Cost and Management Accountants (United Kingdom);
- (ix) Ahli Australian Society of Accountants;
- (x) Ahli New Zealand Society of Accountants;
- (xi) Ahli The Chartered Association of Certified Accountants (United Kingdom);
- (xii) Ahli Pakistan Institute of Chartered Accountants;
- (xiii) Chartered Institute of Public Finance and Accountancy (United Kingdom).

SKIM PERKHIDMATAN

LASIFIKASI : PERKHIDMATAN POLIS
UMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
KIM PERKHIDMATAN : PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL
ARIKH KUATKUASA : 1.1.1992

AMA 1. Kaedah-kaedah ini boleh dinamakan Kaedah-kaedah Polis (Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel), 1992 (kemudian daripada ini disebut "Kaedah-kaedah ini") dan akan berkuatkuasa pada 1.1.1992.

EMAKAIAN 2. Kaedah-kaedah ini hendaklah dipakai bagi seluruh Malaysia dan bagi semua Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang dilantik pada atau sebelum tarikh berkuatkuasanya kaedah-kaedah ini.

AFSIRAN 3. Semua perkara yang disebut dalam kaedah-kaedah ini mempunyai makna yang sama dengan perbekalan-perbekalan dalam Akta Polis 1967.

KEL GAJI 4. Skel gaji bagi perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel hendaklah seperti yang ditetapkan di dalam jadual kepada Kaedah-kaedah ini.

ELAYAKAN UNTUK ANTIKAN 5. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) terdiri daripada warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) lulus Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

(ii) kepujian Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; *ATAU*

(d) (i) lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Y14 PIT3); dan

(ii) kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DAN (e) mempunyai syarat-syarat ukuran badan dan pancaindera seperti berikut:-

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi calon-calon lelaki dan 1.52m bagi calon-calon wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 47.6kg bagi calon-calon lelaki dan 46.2kg bagi calon-calon wanita;

(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan 86sm semasa menarik nafas. Calon-calon wanita dikecualikan dari syarat ini;

- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vi) diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan termasuk pemeriksaan X-ray.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN DARI PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL TAMBAHAN

6. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Tambahan adalah layak dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Konstabel tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di para 5(c) (i) atau (d) (i) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas;
- (b) diperakukan oleh Pegawai Memerintahnya;

DAN (c) berumur kurang 54 tahun pada tarikh lantikan.

PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN

7. Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

8. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred Y14 boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

9. (a) Konstabel lantikan terus melalui Kaedah 5 adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
- (b) Konstabel yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan melalui Kaedah 6 tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.

KURSUS INDUKSI/ LATIHAN

10. (a) Konstabel lantikan terus di bawah Kaedah 5 dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan mengikuti latihan selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Polis Negara dari masa ke semasa.
- (b) Konstabel yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan di bawah Kaedah 6 boleh dikecualikan daripada menjalani sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada latihan yang ditetapkan mengikut budi bicara Ketua Polis Negara.

GAGAL DALAM LATIHAN DAN PENAMATAN LANTIKAN

11. Konstabel dalam tempoh percubaan yang gagal latihannya boleh dipertimbangkan supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau mana-mana pihak yang telah diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

12. (a) Konstabel lantikan terus di bawah Kaedah 5 layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (i) memenuhi tempoh percubaan;
 - (ii) tamat dengan jayanya latihan yang ditetapkan;
 - (iii) hadir dengan jayanya Kursus Induksi; dan
 - (iv) diperakukan oleh Pegawai Memerintahnya.

(b) Konstabel yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan di bawah Kaedah 6 boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa selepas 1 tahun apabila telah:-

- (i) tamat dengan jayanya latihan yang ditetapkan;
- (ii) hadir dengan jayanya Kursus Induksi; dan
- (iii) diperakukan oleh Pegawai Memerintahnya.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

13. Pergerakan gaji tahunan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.

KEMAJUAN KE PANGKAT LANS KOPERAL

14. Konstabel adalah layak dipertimbangkan untuk dimajukan ke pangkat Lans Koperal apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan; dan
- (b) mendapat sokongan dari Pegawai Memerintahnya.

KURSUS KENAIKAN PANGKAT

15. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.

KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KOPERAL DARI KONSTABEL DAN LANS KOPERAL

16. Konstabel yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan Lans Koperal adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Koperal yang kosong apabila telah:-

- (a) (i) lulus Peperiksaan Perkhidmatan (Peperiksaan Undang-undang Rendah); *atau*
- (ii) lulus peperiksaan Ketukangan yang telah ditetapkan oleh Ketua Polis Negara;

(Anggota-anggota yang memilih untuk berkhidmat terus dalam Cawangan Ketukangan tidak akan dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat untuk mengisi kekosongan bagi jawatan-jawatan di luar dari Cawangan Ketukangan. Walau bagaimanapun sekiranya mereka ingin bertukar keluar dari Cawangan Ketukangan mereka dikehendaki terlebih dahulu lulus Peperiksaan Undang-undang Rendah);

- (b) mencapai tahap kecemerlangan yang ditetapkan;
- (c) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 15 di atas jika berkenaan; dan
- (d) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN SARJAN

17. Koperal adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan yang kosong apabila telah :-

- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 15 di atas, jika berkenaan; dan
- (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN SARJAN MEJAR

18. Sarjan adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan Mejar yang kosong apabila telah :-

- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan di para 15 di atas jika berkenaan; dan

(c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN SUB-INSPEKTOR**

19. Sarjan Mejar adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Sub-Inspektor yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 15 di atas; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

PEPERIKSAAN KHAS

20. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang telah disahkan dalam perkhidmatannya dan telah lulus Peperiksaan Undang-undang Rendah boleh mengambil Peperiksaan Khas yang disyaratkan untuk lantikan ke jawatan Inspektor.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
INSPEKTOR DI DALAM
PERKHIDMATAN PEGAWAI
KANAN POLIS**

21. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau mana-mana pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Inspektor yang kosong dalam perkhidmatan Pegawai Kanan Polis mengikut syarat yang ditetapkan.

**JADUAL
(KAEDAH 4)**

Konstabel	Gred Y14 :	P1T1	\$419	-	P1T14	\$833
		P2T1	\$448	-	P2T14	\$880
		P3T1	\$478	-	P3T14	\$928
Lans Koperal	Gred Y13 :	P1T1	\$730	-	P1T6	\$895
		P2T1	\$774	-	P2T6	\$944
		P3T1	\$819	-	P3T6	\$994
Koperal	Gred Y12 :	P1T1	\$530	-	P1T12	\$981
		P2T1	\$564	-	P2T12	\$1053
		P3T1	\$599	-	P3T12	\$1128
Sarjan	Gred Y11 :	P1T1	\$775	-	P1T7	\$1105
		P2T1	\$832	-	P2T7	\$1174
		P3T1	\$891	-	P3T7	\$1245
Sarjan Mejar	Gred Y10 :	P1T1	\$940	-	P1T6	\$1215
		P2T1	\$1003	-	P2T6	\$1288
		P3T1	\$1068	-	P3T6	\$1363
Sub-Inspektor	Gred Y9 :	P1T1	\$1105	-	P1T6	\$1380
		P2T1	\$1174	-	P2T6	\$1459
		P3T1	\$1245	-	P3T6	\$1540

SKIM PERKHIDMATAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN POLIS
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
SKIM PERKHIDMATAN : PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL TAMBAHAN
TARIKH KUATKUASA : 1.1.1992

NAMA 1. Kaedah-kaedah ini boleh dinamakan Kaedah-kaedah Polis Tambahan (Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Tambahan), 1992 (kemudian daripada ini disebut "Kaedah-kaedah ini") dan akan berkuatkuasa pada 1.1.1992.

PEMAKAIAN 2. Kaedah-kaedah ini hendaklah dipakai bagi seluruh Malaysia dan bagi semua Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Tambahan yang dilantik pada atau sebelum tarikh berkuatkuasanya Kaedah-kaedah ini.

TAFSIRAN 3. Semua perkara yang disebut dalam kaedah-kaedah ini mempunyai makna yang sama dengan perbekalan-perbekalan dalam Akta Polis 1967.

SKEL GAJI 4. Skel gaji bagi perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Tambahan hendaklah seperti yang ditetapkan di dalam jadual kepada Kaedah-kaedah ini.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN 5. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) terdiri daripada warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) tamat Darjah VI Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan; dan
(ii) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;

DAN (d) mempunyai syarat-syarat ukuran badan dan pancaindera seperti berikut:-

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi calon-calon lelaki dan 1.52m bagi calon-calon wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 47.6kg bagi calon-calon lelaki dan 46.2kg bagi calon-calon wanita;

(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan 86sm semasa menarik nafas. Calon-calon wanita dikecualikan dari syarat ini;

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vi) diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan termasuk pemeriksaan X-ray.

PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

TEMPOH PERCUBAAN

KURSUS INDUKSI/ LATIHAN

PENAMATAN LANTIKAN

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

KEMAJUAN KE PANGKAT LANS KOPERAL POLIS TAMBAHAN

KURSUS KENAIKAN PANGKAT

KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KOPERAL POLIS TAMBAHAN DARI KONSTABEL DAN LANS KOPERAL POLIS TAMBAHAN

KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN SARJAN POLIS TAMBAHAN

6. Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya.
7. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred YT6 boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
8. Konstabel Polis Tambahan yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
9. Konstabel Polis Tambahan dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara.
10. Konstabel Polis Tambahan dalam percubaan yang gagal dalam latihannya boleh dipertimbangkan supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau mana-mana pihak yang telah diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.
11. Konstabel Polis Tambahan adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) tamat dengan jayanya latihan yang ditetapkan;
 - (c) hadir dengan jayanya Kursus Induksi; dan
 - (d) diperakukan oleh Pegawai Memerintahnya.
12. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.
13. Konstabel Polis Tambahan adalah layak dipertimbangkan untuk dimajukan ke pangkat Lans Koperal Polis Tambahan apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan; dan
 - (b) mendapat sokongan dari Pegawai Memerintahnya.
14. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.
15. Konstabel Polis Tambahan yang telah disahkan dalam perkhidmatannya dan Lans Koperal Polis Tambahan adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Koperal Polis Tambahan yang kosong apabila telah:-
 - (a) lulus Peperiksaan Perkhidmatan (Peperiksaan Undang-undang Rendah Khas untuk Konstabel Polis Tambahan);
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (c) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 14 di atas jika berkenaan; dan
 - (d) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintah.
16. Koperal Polis Tambahan adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan Polis Tambahan yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;

- (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 14 di atas, jika berkenaan; dan
- (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN SARJAN MEJAR
POLIS TAMBAHAN**

17. Sarjan Polis Tambahan adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan Mejar Polis Tambahan yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 14 di atas, jika berkenaan; dan
- (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN SUB-INSPEKTOR
POLIS TAMBAHAN**

18. Sarjan Mejar Polis Tambahan adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Sub-Inspektor Polis Tambahan yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 14 di atas jika berkenaan; dan
- (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
KONSTABEL DI DALAM
PERKHIDMATAN PEGAWAI
RENDAH POLIS DAN
KONSTABEL**

19. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Tambahan yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau mana-mana pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Konstabel di dalam perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang kosong mengikut syarat yang ditetapkan.

**JADUAL
(KAEDAH 4)**

Konstabel Polis Tambahan	Gred YT6	:	P1T1	\$366	-	P1T13	\$682
			P2T1	\$384	-	P2T13	\$728
			P3T1	\$403	-	P3T13	\$775
Lans Koperal Polis Tambahan	Gred YT5	:	P1T1	\$693	-	P1T5	\$825
			P2T1	\$739	-	P2T5	\$875
			P3T1	\$786	-	P3T5	\$926
Koperal Polis Tambahan	Gred YT4	:	P1T1	\$496	-	P1T11	\$892
			P2T1	\$530	-	P1T11	\$962
			P3T1	\$565	-	P3T11	\$1035
Sarjan Polis Tambahan	Gred YT3	:	P1T1	\$720	-	P1T7	\$1050
			P1T2	\$777	-	P1T7	\$1119
			P1T3	\$836	-	P1T7	\$1190
Sarjan Mejar Polis Tambahan	Gred YT2	:	P1T1	\$885	-	P1T6	\$1160
			P1T2	\$948	-	P1T6	\$1233
			P1T3	\$1013	-	P1T6	\$1308
Sub-Inspektor Polis Tambahan	Gred YT1	:	P1T1	\$1048	-	P1T6	\$1323
			P2T1	\$1111	-	P1T6	\$1396
			P3T1	\$1176	-	P1T6	\$1471

LAMPIRAN E

**CONTOH FORMAT IKLAN
SKIM PERKHIDMATAN BARU
BAGI PDRM**

CONTOH FORMAT

Rujukan Fail:

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : *Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.*
- (b) *Kementerian/Jabatan : *Nama Agensi*
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : *Nyatakan sama ada Pengurusan dan Profesional atau Sokongan.*
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : *Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan dimana skim perkhidmatan itu wujud.*
2. Jadual Gaji : *Seperti dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.*
3. Syarat Lantikan : *Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.*
4. Taraf Jawatan : *Nyatakan sama ada bertaraf Tetap atau Sementara.*
5. Penaklukan Di bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : *Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1 (a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.*

(* Potong mana yang tidak berkenaan)

LAMPIRAN F

SENARAI PERKHIDMATAN KRITIKAL

SENARAI PERKHIDMATAN KRITIKAL

<i>Bil.</i>	<i>Perkhidmatan</i>
1.	Pegawai Perubatan
2.	Pengajar Ketukangan Gred I
3.	Penjaga Jentera Elektrik
4.	Jurutera [termasuk Jurutera Laut dan Pegawai Perikanan (Bidang Kejuruteraan)]
5.	Pengajar Ketukangan Gred II
6.	Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang
7.	Pemeriksa Kapalterbang
8.	Pegawai Laut
9.	Malim
10.	Pegawai Penyelidik [PORIM, FRIM, RRIM, SIRIM, MARDI, MRRDB]
11.	Pegawai Penyelidik [UTN, IMR, MIMOS, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Pertanian Sarawak, Lembaga Koko Malaysia, Institut Penyelidikan Haiwan, Institut Penyelidikan Galian, Pusat Sains dan Teknologi Pertahanan (Kementerian Pertahanan)]
12.	Jururawat (Terlatih)
13.	Arkitek [termasuk Arkitek Laut]
14.	Juruukur Bahan
15.	Penolong Pegawai Laut
16.	Pegawai Kemajuan Perindustrian
17.	Pegawai Undang-undang
18.	Tukang K1
19.	Tukang K2
20.	Pensyarah Universiti (Bidang Perubatan, Perundangan, Kejuruteraan, Senibina dan Ukur Bahan)
21.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Politeknik dan Vokasional—Bidang Kejuruteraan dan Ketukangan)
22.	Pensyarah ITM (Bidang Kejuruteraan, Senibina, Ukur Bahan dan Perundangan)

LAMPIRAN G

**SKIM-SKIM PERKHIDMATAN YANG
JUMUD SEBELUM SSB DAN TERUS
JUMUD DI DALAM SSB**

**SENARAI SKIM-SKIM PERKHIDMATAN YANG JUMUD SEBELUM SSB
DAN TERUS JUMUD DI DALAM SSB**

<i>Klasifikasi Perkhidmatan (Kod Gaji)</i>	<i>Bidang</i>	<i>Skim Perkhidmatan Sekarang</i>	<i>Skim Perkhidmatan Baru SSB</i>
1 Polis (Y, YS, YT)	Polis (Senoi Praak)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penolong Penguasa, Timbalan Penguasa dan Penguasa Pasukan Senoi Praak (PS3, PS2, PS1) 2. Inspektor Pasukan Senoi Praak (PS5, PS4) 3. Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi Praak (PS10, PS9, PS8, PS7, PS6) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penolong Penguasa, Timbalan Penguasa dan Penguasa Pasukan Senoi Praak (Gred YS3, YS2, YS1) 2. Inspektor Pasukan Senoi Praak (Gred YS3, YS2, YS1) 3. Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi Praak (Gred YS10, YS9, YS8, YS7, YS6)

SKIM PERKHIDMATAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN POLIS
SKIM PERKHIDMATAN : **PENOLONG PENGUASA, TIMBALAN PENGUASA DAN PENGUASA PASUKAN SENOI PRAAK**
(Diperuntuk kepada penyandang yang sedia ada sahaja)
TARIKH KUATKUASA : 1.1.1992

<i>Jawatan</i>	<i>Gred</i>	<i>Jadual Gaji</i>
Penolong Penguasa	Gred YS3	P1T1 \$1155 - P1T18 \$2566
		P2T1 \$1241 - P2T18 \$2703
		P3T1 \$1330 - P3T18 \$2843
Timbalan Penguasa	Gred YS2	P1T1 \$1920 - P1T11 \$2750
		P2T1 \$2006 - P2T11 \$2866
		P3T1 \$2095 - P3T11 \$2985
Penguasa	Gred YS1	P1T1 \$2838 - P1T6 \$3388
		P2T1 \$2952 - P2T6 \$3522
		P3T1 \$3071 - P3T6 \$3666

- TEMPOH PERCUBAAN** 1. Penolong Penguasa Senoi Praak yang dilantik adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.
- LATIHAN** 2. Penolong Penguasa Senoi Praak boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PEPERIKSAAN/
KURSUS INDUKSI** 3. Penolong Penguasa Senoi Praak dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN** 4. Penolong Penguasa Senoi Praak yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
(a) memenuhi tempoh percubaan;
(b) hadir dengan jayanya Kursus Induksi serta lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan; dan
(c) diperakukan oleh Pegawai Memerintahnya.
- PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN** 5. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.
- KURSUS KENAIKAN
PANGKAT** 6. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.
- KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN
TIMBALAN PENGUASA
SENOI PRAAK** 7. Penolong Penguasa Senoi Praak adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Timbalan Penguasa Senoi Praak yang kosong apabila telah:-
(a) disahkan dalam perkhidmatan;
(b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
(c) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan seperti di para 3 di atas;

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN
PENGUASA SENOI
PRAAK**

- (d) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 6 di atas jika berkenaan; dan
 - (e) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.
8. Timbalan Penguasa Senoi Praak adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Senoi Praak yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 6 di atas; dan
 - (e) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

SKIM PERKHIDMATAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN POLIS
SKIM PERKHIDMATAN : **INSPEKTOR PASUKAN SENOI PRAAK**
 (Diperuntuk kepada penyandang yang sedia ada sahaja)
TARIKH KUATKUASA : 1.1.1992

<i>Jawatan</i>	<i>Gred</i>	<i>Jadual Gaji</i>
Inspektor	Gred YS5 :	P1T1 \$770 - P1T14 \$1522 P2T1 \$804 - P2T14 \$1634 P3T1 \$839 - P3T14 \$1751
Ketua Inspektor	Gred YS4 :	P1T1 \$1570 - P1T6 \$1980 P2T1 \$1685 - P2T6 \$2110 P3T1 \$1805 - P3T6 \$2245

- TEMPOH PERCUBAAN** 1. Inspektor Senoi Praak yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
- LATIHAN** 2. Inspektor Senoi Praak boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PEPERIKSAAN/
KURSUS INDUKSI** 3. Inspektor Senoi Praak dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN** 4. Inspektor Senoi Praak yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 (a) memenuhi tempoh percubaan;
 (b) hadir dengan jayanya Kursus Induksi serta lulus peperiksaan yang ditetapkan; dan
 (c) diperakukan oleh Pegawai Memerintahnya.
- PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN** 5. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.
- KURSUS KENAIKAN
PANGKAT** 6. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.
- KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN
KETUA INSPEKTOR** 7. Inspektor Senoi Praak adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Inspektor Senoi Praak yang kosong apabila telah:-
 (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 (b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 (c) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan seperti di para 3 di atas;
 (d) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 6 di atas jika berkenaan; dan
 (e) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

SKIM PERKHIDMATAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN POLIS
SKIM PERKHIDMATAN : MATA-MATA DAN PEGAWAI RENDAH
PASUKAN SENOI PRAAK
 (Diperuntuk kepada penyandang yang sedia ada sahaja)
TARIKH KUATKUASA : 1.1.1992

<i>Jawatan</i>	<i>Gred</i>	<i>Jadual Gaji</i>
Mata-mata	Gred YS10 :	P1T1 \$350 - P1T16 \$701 P2T1 \$368 - P2T16 \$750 P3T1 \$387 - P3T16 \$800
Koperal	Gred YS9 :	P1T1 \$530 - P1T12 \$981 P2T1 \$564 - P2T12 \$1053 P3T1 \$599 - P3T12 \$1128
Sarjan	Gred YS8 :	P1T1 \$775 - P1T7 \$1105 P2T1 \$832 - P2T7 \$1174 P3T1 \$891 - P3T7 \$1245
Sarjan Mejar	Gred YS7 :	P1T1 \$940 - P1T6 \$1215 P2T1 \$1003 - P2T6 \$1288 P3T1 \$1068 - P3T6 \$1363
Sub-Inspektor	Gred YS6 :	P1T1 \$1105 - P1T6 \$1380 P2T1 \$1174 - P2T6 \$1459 P3T1 \$1245 - P3T6 \$1540

TEMPOH PERCUBAAN

1. Mata-mata Senoi Praak yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.

LATIHAN

2. Mata-mata Senoi Praak boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PEPERIKSAAN/
KURSUS INDUKSI**

3. Mata-mata Senoi Praak dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

4. Mata-mata Senoi Praak yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Pegawai Memerintahnya.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

5. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.

**KURSUS KENAIKAN
PANGKAT**

6. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN
KOPERAL SENOI
PRAAK**

7. Mata-mata Senoi Praak adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Koperal Senoi Praak yang kosong apabila telah :-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan seperti di para 3 di atas;
 - (d) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 6 di atas jika berkenaan; dan
 - (e) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN
SARJAN SENOI
PRAAK**

8. Koperal Senoi Praak adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan Senoi Praak yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 6 di atas, jika berkenaan; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN
SARJAN MEJAR
SENOI PRAAK**

9. Sarjan Senoi Praak adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan Mejar Senoi Praak yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 6 di atas, jika berkenaan; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN
SUB-INSPEKTOR
SENOI PRAAK**

10. Sarjan Mejar Senoi Praak adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke jawatan Sub-Inspektor Senoi Praak yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 6 di atas, jika berkenaan; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

LAMPIRAN H

LAMPIRAN H1

INDEKS DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN POLIS

**INDEKS DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI
BAGI PERKHIDMATAN POLIS**

<i>Jawatan</i>	<i>Kod Gaji Lama</i>	<i>Klasifikasi Perkhidmatan dan Kod Pengenalan</i>	<i>Kod Gaji Baru</i>	<i>Jadual Bilangan</i>	<i>Kod Komputer</i>
Ketua Polis Negara	P1	(Polis) Y	VU3	Y-1	VU03000
Timbalan Ketua Polis Negara	P2	(Polis) Y	VU5	Y-2	VU05000
Pesuruhjaya Polis	P3	(Polis) Y	VU6	Y-3	VU06000
Timbalan Pesuruhjaya Polis	P4	(Polis) Y	VU7	Y-4	VU07000
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I	P5	(Polis) Y	Y1	Y-5	YA01000
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II	P6	(Polis) Y	Y2	Y-6	YA02000
Penolong Pesuruhjaya Polis	P7	(Polis) Y	Y3	Y-7	YA03000
Penguasa Polis	P8	(Polis) Y	Y4	Y-8	YA04000
Timbalan Penguasa Polis	P9	(Polis) Y	Y5	Y-9	YA05000
Penolong Penguasa Polis	P10	(Polis) Y	Y6	Y-10	YA06000
Ketua Inspektor	P11	(Polis) Y	Y7	Y-11	YA07000
Inspektor	P12	(Polis) Y	Y8	Y-12	YA08000
Sub-Inspektor	P13	(Polis) Y	Y9	Y-13	YA09000
Sarjan Mejar	P14	(Polis) Y	Y10	Y-14	YA10000
Sarjan	P15	(Polis) Y	Y11	Y-15	YA11000
Koperal	P16	(Polis) Y	Y12	Y-16	YA12000
Lans Koperal	P17	(Polis) Y	Y13	Y-17	YA13000
Constabel	P18	(Polis) Y	Y14	Y-18	YA14000

SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN POLIS
 (*\$ Sebulan)

PANGKAT: KETUA POLIS NEGARA

- I. KOD GAJI SEKARANG: P 1
- II. GRED GAJI BARU: VU 3
- III. KOD GAJI KOMPUTER BARU: VU03000
- IV. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

GAJI SEKARANG:

A 2 5670
 5870

GAJI BARU:

VU 3

MATAGAJI	1	2	3	4
	7050	7760	8540	9400

SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN POLIS
(\$ Sebulan)

PANGKAT: TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA

I. KOD GAJI SEKARANG: P 2

II. GRED GAJI BARU: VU 5

III. KOD GAJI KOMPUTER BARU: VU05000

IV. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

GAJI SEKARANG:

P 2 4620
 4770

GAJI BARU:

VU 5

MATAGAJI	1	2	3	4
	5730	6310	6690	6960

SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN POLIS
(\$ Sebulan)

PANGKAT: PESURUHJAYA POLIS

- I. KOD GAJI SEKARANG: P 3
- II. GRED GAJI BARU: VU 6
- III. KOD GAJI KOMPUTER BARU: VU06000
- IV. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

GAJI SEKARANG

P 3 4170
 4320

GAJI BARU:

VU 6

MATAGAJI 1 2 3 4
5190 5710 6060 6310

SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN POLIS
(\$ Sebulan)

PANGKAT: TIMBALAN PESURUHJAYA POLIS

- I. KOD GAJI SEKARANG: P 4
- II. GRED GAJI BARU: VU 7
- III. KOD GAJI KOMPUTER BARU: VU07000
- IV. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

GAJI SEKARANG:

P 4 3870
 4020

GAJI BARU:

VU 7

MATAGAJI 1 2 3 4
4830 5320 5640 5870

SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN POLIS (10%)
(\$ Sebulan)

PANGKAT: PENOLONG KANAN PESURUHJAYA POLIS GRED I

I. KOD GAJI SEKARANG: P 5

II. GRED GAJI BARU: Y 1

III. KOD GAJI KOMPUTER BARU: YA01000

IV. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

GAJI SEKARANG:

P 5 3570 3720

GAJI BARU:

Y 1

T 1 T 2 T 3 T 4

P 1 3927 4092 4257 4422

P 2 4099 4271 4443 4615

P 3 4278 4457 4636 4815

SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN POLIS (10%)
(\$ Sebulan)

PANGKAT: PENOLONG KANAN PESURUHJAYA POLIS GRED II

- I. KOD GAJI SEKARANG: P 6
- II. GRED GAJI BARU: Y 2
- III. KOD GAJI KOMPUTER BARU: YA02000
- IV. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

